

Hanya Rakyat Yang Tahu Parti Mana Yang Akan Dipilih, Kata Ahmad Zahid Bernama
24 Mac, 2012

BAGAN DATOH, 24 Mac (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata sesiapa sahaja boleh mengaku bahawa parti yang mereka wakili akan mendapat sokongan pada pilihan raya umum akan datang namun hanya rakyat yang mengetahui pihak mana yang akan dipilih.

"Kita akan sama-sama berada di gelanggang dan serahkan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk mengira tahap sokongan rakyat kepada parti masing-masing," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Bantuan Rakyat 1Malaysia kepada 1,000 penerima Parlimen Bagan Datoh di Wisma Umno.

Beliau yang juga Menteri Pertahanan diminta mengulas dakwaan pembangkang bahawa sokongan rakyat terhadap mereka ketika ini semakin meningkat berbanding Barisan Nasional (BN).

Ditanya mengenai tindakan pembangkang yang sering membuat serangan peribadi terhadap pemimpin BN termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, Ahmad Zahid berkata ia tidak menjejaskan sokongan rakyat terhadap BN.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=654619>